

# Hubungan dengan AS boleh dipertingkatkan

19 SEP 2002  
Daripada HAMZAH SIDIK

**W**ASHINGTON D.C., 18 Sept. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pertemuannya dengan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Dick Cheney dan beberapa orang lagi pemimpin negara itu menambah keyakinan bahawa kerjasama antara kedua-dua negara boleh ditingkatkan.

“Saya dapat merasai bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan AS adalah baik,” katanya sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan kerja dua hari ke ibu negara AS ini.

Selepas mengadakan pertemuan dengan Cheney di White House pagi semalam, Abdullah juga bertukar-tukar pandang

an dengan sekumpulan ahli Kongres dan Dewan Senat AS di Capitol Hill, Parlimen negara itu.

Antara yang hadir ialah Ketua Majoriti Kongres, Dick Armev dan Ketua Whip Kongres, Tom DeLay.

Kelmarin beliau menemui Penasihat Keselamatan Kebangsaan, Dr. Condoleezza Rice dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Tom Ridge.

Dalam pertemuan dengan mereka, Abdullah telah menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu Iraq dan terorisme.

Katanya, walaupun Malaysia mempunyai pendirian yang berbeza dengan AS, namun matlamat kedua-dua negara adalah sama.

Beliau juga meminta AS tidak menyalah anggap tentang Islam dan umat Islam ekoran serangan 11 September

2001 yang dilakukan oleh sekumpulan orang yang beragama Islam.

Abdullah menimbulkan perkara itu berikutan pihak-pihak berkuasa AS telah mengambil tindakan tertentu terhadap orang Islam di Amerika termasuk tidak memperbaharui visa.

Kata Timbalan Perdana Menteri, beliau telah meminta AS mengkaji semula langkah mempercepatkan proses pengeluaran visa kerana ia bukan sahaja menghalang kedatangan pelajar, tetapi juga para pelabur dan ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Ramai pelajar Malaysia gagal melanjutkan pelajaran ke AS kerana belum mendapat visa, manakala 140 orang pelajar lelaki Islam yang sedang belajar di negara itu terpaksa pulang kerana tidak dapat memperbaharui visa mereka.

Sementara itu, dua ahli Kongres yang turut menghadiri pertemuan tersebut, Gregory Meeks dari parti Demokrat dan Peter Sessions dari Republikan memberitahu para wartawan Malaysia, hubungan antara kedua-dua negara adalah kukuh.

Bagaimanapun, mereka berharap rakyat Malaysia memahami bahawa AS terpaksa mengambil langkah-langkah keselamatan yang ketat termasuk dalam pengeluaran visa kerana peristiwa 11 September berlaku baru setahun lalu.

“Luka kami masih belum sembuh, tentulah mengambil masa sedikit untuk pulih, diharap bersabarlah,” kata Meeks merujuk kepada masalah visa yang dibangkitkan oleh Abdullah.

Katanya, sasaran AS sekarang bukanlah orang Islam, tetapi penganas tidak kira sama ada merc-

ka beragama Kristian atau lain-lain agama.

Sessions pula berkata, ahli-ahli Kongres yang hadir dalam pertemuan itu amat menghargai pandangan Abdullah yang telah bercakap secara terbuka dan terus terang.

Beliau berpendapat bahawa Abdullah sebagai bakal Perdana Menteri sebuah negara yang kini mempunyai lingkungan pengaruhnya yang tersendiri, boleh memainkan peranan yang besar bagi rantau Asia dan dunia.

Meeks dan Sessions adalah Pengerusi Bersama Caucus Malaysia di Kongres yang ditubuhkan selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Mei lalu.

Kumpulan itu memberi tumpuan kepada hal-ehwal Malaysia. — *Utusan*